

UCAPAN Y.B. TAN SRI FATIMAH BT. HAJI HASHIM, PMN.  
MENTERI KEBAJIKAN AM, MALAYSIA  
DI UPACARA PENUTUPAN PERTANDINGAN MEMBACA QURAN  
ANTARA YAYASAN-YAYASAN KEMENTERIAN KEBAJIKAN AM  
PADA 2HB NOVEMBER, 1972 JAM 11.00 MALAM DI RUMAH  
ORANG-ORANG TUA, JALAN ISNIN, JOHOR BAHRU.

Assalamualaikum, warahmatullahi wabarakatuh.

Saya bersyukur kehadrat Allah Subhanahuwataala kerana dapat menyertai majlis yang berkat dan di bawah naungan Allah ini. Majlis ini adalah kedua kali diadakan, hasil dari rangka perubahan yang dibuat dari kebiasaan di mana pertandingan ini sebelumnya sentiasa diadakan di negeri Selangor sahaja pada tiap-tiap tahun.

Pada tahun lalu, majlis seperti ini telah diadakan di Melaka, dan pada tahun ini pula, tibalah gilirannya majlis ini diadakan di Johor Bahru, selaras dengan ketetapan supaya tiap-tiap negeri diberikan penghormatan bergilir-gilir menjadi tuan rumah kepada pertandingan ini. Juga inilah kali ketiga pula Pertandingan Membaca Quran dan Murhaban antara Yayasan-yayasan Kementerian saya di seluruh Malaysia Barat telah diadakan.

Seperti yang saya selalu terangkan, bahawa tujuan utama Kementerian saya menganjurkan Pertandingan Membaca Al-Quran dan Murhaban ini ialah menggalakkan penghuni-penghuni Islam di Yayasan-yayasan Kebajikan supaya sentiasa berminat membaca kitab suci itu serta mempelajari isi kandungannya.

Dengan demikian, mereka akan dapat mengetahui berbagai-bagai ilmu pengetahuan, panduan hidup dan segala khazanah penting untuk kehidupan maknusia di dunia dan di akhirat dari Kitab Suci itu.

Pertandingan-pertandingan seumpama ini juga memberi peluang kepada penghuni-penghuni di Yayasan-yayasan Kebajikan bagi membuktikan kebolehan masing-masing membaca Al-Quran dan Murhaban.

Pertandingan ini juga membolehkan mereka berkumpul dan berkenal-kenalan di antara satu sama lain untuk merapatkan tali silatulrahim, terutama sekali dalam bulan Ramdhan yang mulia ini.

Kementerian Kebajikan Am sentiasa menitikberatkan pelajaran ugama dalam memberi pendidikan kerohanian kepada tiap-tiap penghuni di Yayasan-yayasan Kebajikan ini. Bahkan masa pelajaran ugama ini telah ditambah lagi oleh sebab Kementerian saya sungguh sedar betapa pentingnya pengaruh ugama dalam usaha pemulihan akhlak mendidik dan membimbing mereka-mereka yang kurang nasib baik ke arah berdikari. Didikan ugama bukan sahaja dititikberatkan bagi orang-orang yang berugama Islam bahkan juga Kementerian saya sentiasa menggalakkan penganjur-penganjur dan pengembang-pengembang ugama lain untuk mengadakan didikan ugama yang sempurna bagi penganut-penganut mereka yang tinggal di yayasan-yayasan Kementerian ini. Selain daripada itu, saya ingin melihat bahawa mulai daripada tahun hadapan semua yayasan-yayasan Kementerian ini akan mengadakan satu matapelajaran lagi iaitu Tafsiran Quran.

Mudah-mudahan mereka akan merasa sebagai insan lain yang dapat menikmati dengan apa cara juapun kurnia Allah dan bersyukor atas nikmat-nikmatnya.

Saudara-saudara sekalian, jaminan sosial adalah suatu idea universal yang diperaktikkan oleh hampir-hampir setiap Kerajaan di dunia ini, tanpa mengira ideologi politik masing-masing, dengan mengikut cara-cara, kemampuan dan keperluan sendiri.

Tetapi yang jelas sekali menunjukkan bahawa semuanya adalah menuju ke arah memberi naungan dan bimbingan kepada gulungan yang kurang bernasib baik ke matlamat berdikari.

Oleh yang demikian, Kerajaan kita telah berusaha di dalam memusatkan kegiatan di bidang kemajuan masyarakat ini untuk membantu gulungan yang saya sebutkan tadi.

Usaha-usaha ini bukanlah sahaja menjadi beban Kerajaan semata-mata, bahkan hendaklah dipikul sama oleh setiap rakyat yang berkemampuan bagi membuktikan bahawa tugas tersebut adalah tugas semua pehak, Kerajaan dan rakyat bersama-sama.

Dengan ini saya mengambil peluang menyeru semua badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan Ugama Islam supaya memainkan peranan yang aktif lagi di dalam bidang kebajikan masyarakat ini. Islam menggalakkan penganut-penganutnya membuat amalan-amalan jariah kepada masyarakat. Bahkan adalah menjadi fardu kifayah bagi umat Islam membuat kerja-kerja kebajikan. Semakin negara pesat membangun, semakin itu banyak pula timbulnya masaalah-masaalah sosial yang perlu mendapat layanan dan di atasi.

Mudah-mudahan dengan adanya peranan dan sumbangsan yang ikhlas dan bersungguh dari kita sekalian melalui badan-badan ini bersama-sama dengan usaha Kerajaan itu, saya yakin kita akan dapat mengatasi berbagai-bagai masaalah kemasyarakatan di kalangan rakyat.

Izinkan pula saya menarik perhatian tentang penghuni-penghuni di Yayasan-yayasan Kebajikan. Mereka ini adalah terdiri dari anak-anak yang kurang bernasib baik dengan sebab rosak akhlak, yatim, miskin dan juga orang-orang cacat, tua, daif, dan sakit malarat.

Penghuni-penghuni ini kesemuanya merupakan angguta masyarakat yang sangat-sangat dahagakan simpati, kasih sayang dan kemesraan dari orang ramai.

Mereka berhak dan perlu dinaungi serta diberi perlindungan dan bimbingan baik dari segi moral atau material, supaya mereka tidak terasa hidup dagang dan terasing dari masyarakat hari-hari.

Allah berfirman di dalam Al-Quran, Ayat 1-3 di dalam Surah Almarhum yang artinya:-

"Tahukah engkau akan orang-orang yang dustakan ugama? Mereka ialah orang-orang yang mengusir anak-anak yatim, yang tidak menganjurkan supaya memberi makanan kepada orang-orang miskin".

Surah ini terang-terang mengutuk gulungan yang mensiasiakan anak-anak yatim dan orang-orang fakir miskin kerana gulungan ini bolehlah dianggap sebagai gulungan yang mendustakan janji-janji Allah secara yang nekad untuk menjalankan perhitungan dan menjatuhkan hukuman yang setimpal di akhirat kelak.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam majlis ini juga izinkan saya menyampaikan terimakasih dan tahniah saya kepada semua pehak yang turut membantu gerakan kebajikan masyarakat terutama kepada pehak-pehak yang turut menghulurkan derma bakti mereka kepada Yayasan-yayasan Kebajikan di seluruh tanahair.

Saya yakin dengan segala bantuan tersebut dapatlah yayasan-yayasan ini bergerak lebih aktif lagi terutama di dalam memberi bimbingan dan didikan kepada penghuni-penghuni.

Di sini tidak lupa juga saya mengambil peluang untuk menyeru seluruh Umat Islam supaya turut menyokong Tabung Ekonomi Islam yang akan dilancarkan menjelang Hari Raya Aidilfitri menerusi Para Amil yang ditauliahkan bagi memungut zakat fitrah.

Tidak syak lagi, Tabung Ekonomi Islam akan menjadi sumber kewangan Umat Islam yang terpenting di dalam usaha positif dan dinamis untuk membangun serta memajukan ekonomi orang-orang Islam di negara ini. Setelah dilancarkan nanti, Tabung ini masing-masing akan menjalankan rancangan-rancangan pelaboran dan perdagangan yang berkesan di dalam tempoh yang singkat.

Saranan yang dibuat oleh Perdana Menteri adalah satu tanda yang berani ketika kempen pembangunan sedang pesat dilancarkan di seluruh negara.

Saya berharap sekalian Umat Islam akan sebulat suara dan kata sepakat menyokong projek yang mulia ini, dengan tidak ada syak wasangka atau berkecuali lagi.

Saudara-saudara sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya suka mengambil peluang untuk mengucapkan terimakasih kepada semua pehak yang telah bertungkus lumus bekerja dan memberikan bantuan dan sumbangan masing-masing hingga berjayanya majlis pertandingan yang berjalan selama dua malam berturut-turut ini.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada Tuan Haji Mustaffa bin Haji Omar, Pegawai Kebajikan Masyarakat Negeri, Johor dan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Pertandingan Quran yang telah sanggup menjadi tuan rumah tahun ini. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jawatankuasa Pertandingan ini yang telah berjaya menyusun, mengelola dan melaksanakan acara Pertandingan ini dengan begitu licin dan cekap. Kepada Datuk Haji Ismail bin Haji Saadon saya ucapan terimakasih kerana kesudiannya meresmikan Pembukaan Pertandingan Membaca Quran ini petang semalam. Kepada semua pehak yang telah membantu, menolong dan menyokong bagi menjayakan Pertandingan ini serta juga semua para dermawan saya ucapan ribuan terimakasih.

Untuk menegakkan sebuah negara yang kuat, kita perlu juga menyuburkan semangat dan pengajaran ugama di kalangan anggota-anggota masyarakat kita, dan saya memuji khidmat tuan-tuan dan puan-puan di bidang yang penting ini.

Sekarang dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, saya dengan ini mengisyiharkan Majlis Penutupan Pertandingan Membaca Al-Quran ini dengan resminya.

Terimakasih, Wassalamu'alaikum Warahmatullah.